

23 JUL 1998

Mahathir-Pelabuhan

TIADA UNDANG-UNDANG PAKSA PENGEKSPORT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jika perlu kerajaan akan menggubal undang-undang untuk memaksa pengeksporth Malaysia menggunakan pelabuhan dalam negeri terutamanya Pelabuhan Klang.

"Pada masa ini kita (kerajaan) belum lagi mulakan proses itu," katanya pada satu sidang berita selepas berdialog dengan syarikat-syarikat pengeksporth Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir berkata Ketua-ketua Pegawai Eksekutif syarikat yang menghadiri dialog itu "menyambut baik" saranan kerajaan supaya mereka menggunakan Pelabuhan Klang yang merupakan pelabuhan utama negara.

Dr Mahathir berkata proses mengeksporth melalui Pelabuhan Klang dan pelabuhan-pelabuhan lain di negara ini akan mengambil masa kerana syarikat-syarikat berkenaan perlu membuat beberapa perubahan.

"Mereka menyambut baik penggunaan Pelabuhan Klang. Walaupun ia akan memakan masa sedikit kerana ini bermakna membuat pertukaran daripada cara yang mereka sudahpun amalkan," kata beliau.

Dalam majlis dialog yang diadakan secara tertutup itu, Perdana Menteri berkata, beliau telah menjelaskan kepada ketua-ketua pegawai eksekutif itu mengenai langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia dan faedah-faedah yang boleh didapati daripada penggunaannya terutamanya dalam memaksimumkan perdagangan mereka dengan negara ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik beberapa hari lepas berkata kerajaan mungkin terpaksa mengadakan undang-undang bagi memastikan syarikat yang terlibat dalam eksport menggunakan Pelabuhan Klang.

-- BERNAMA

ES oba